

Sektor pertanian penting jamin sekuriti makanan

Kekuatan negara dinilai berdasarkan kemampuan menghasilkan sumber makanan

UB 11.12.2022 P.08

Oleh Hamzah Sanudin

KOTAKINABALU: Kekuatan sesebuah negara boleh dinilai berdasarkan kemampuannya dalam menghasilkan sumber makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat.

Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin berkata, hal itu memberi kesedaran bahawa pentingnya pertanian untuk menjamin sekuriti makanan dan menjaga ekonomi rakyat serta negara.

“Pengeluaran makanan menjadi lebih mencabar akibat cuaca tidak menentu, kekangan sumber, kesan pandemik COVID-19 serta konflik antarabangsa.

“Justeru, keupayaan pengeluaran makanan dan akses kepada makanan perlu ditingkatkan bagi memenuhi keperluan semasa,” katanya ketika merasmikan Majlis Konvokesyen UMS ke-24 di Dewan Canselor UMS di sini semalam.

Katanya, Sabah adalah negeri yang kaya dengan sumber asli termasuk tanah yang luas dan subur untuk aktiviti pertanian.

“Sektor pertanian yang merangkumi tanaman, penternakan dan perikanan merupakan sektor keutamaan negeri Sabah.

“Sektor ini menyumbang sebanyak 16.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah pada tahun 2020,” katanya.

Bagaimanapun katanya, ia belum dapat memenuhi permintaan domestik bagi komoditi makanan utama seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran dan daging.

“Oleh itu, negara kita terlalu bergantung kepada import makanan sehingga bil import makanan negara pada 2020 melambung kepada RM55.4 bilion,” katanya.

Juhar berkata bagi memastikan bekalan makanan terjamin, Sabah telah mewujudkan Rangka Tindakan Pertanian Sabah (2021-2030)

selari dengan Dasar Pertanian Negeri Sabah ketiga (2017-2026).

“Pelaksanaan Rangka Tindakan Pertanian Sabah adalah berdasarkan empat prinsip utama iaitu pengeluaran, inovasi, kelestarian dan pembangunan modal insan.

“Usaha itu selari dengan UMS yang giat memajukan pertanian berteknologi tinggi persis dan pintar menerusi Fakulti Pertanian Lestari (FPL) bertekad melahirkan graduan dalam bidang pertanian berteknologi tinggi,” katanya.

Menurutnya, FPL sedang membangunkan Program Sarjana Muda Teknologi Pertanian Persis Pintar yang akan ditawarkan mulai tahun hadapan.

“Inisiatif daripada UMS ini dapat memberi sumbangan besar dalam bidang pertanian dan secara tidak langsung menyumbang kestabilan makanan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada graduan,” katanya.



KONVOKESYEN: Tun Juhar semasa menyampaikan amanat dalam majlis konvokesyen UMS kali ke-24.

Terdahulu, seramai 4,298 graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dirai pada majlis Majlis Konvokesyen Kali ke-24 yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam.

Majlis konvokesyen kali

ini menyaksikan seramai 92 graduan menerima ijazah Doktor Falsafah, 271 ijazah Sarjana, 3,798 ijazah Sarjana Muda, 73 Diploma dan 64 Diploma Pasca.

Graduan antarabangsa pula

adalah seramai 126 orang terdiri daripada negara China, Brunei, Bangladesh, Chad, Gabon, India, Indonesia, Jepun, Korea, Mozambique, Pakistan, Filipina, Timur Leste dan Yaman.